

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 17 JUN 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	FAMA PERKASA KAEDAH PASARAN HASIL TANI SECARA DIGITAL, NEGARA, KOSMO -14 FAMA PERKENAL SISTEM TANI EKSPRES, MASYARAKAT, BH -16 AGRO MALL PUCHONG SIAP DALAM TEMPOH DUA TAHUN, NASIONAL, SH -12	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	TINGKAT HASIL PADI DENGAN PERUNTUKAN RM250 JUTA, TENAGH, SH -19	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	BELUM ADA KEBENARAN BAWA MASUK ATAU TANAM GUARANA, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10 BERTANI DI SEKOLAH PUPUK MINAT PELAJAR, NEWS, SH (SELATAN) -24 PENDEKATAN BAHARU ELAK PESAWAH BERGANTUNG SUBSIDI, MUKA SEPULUH, BH -10 TERUNG FERTIGASI DALAM KAMPUS, SENTRAL, SH -21 HAB MADU KELULUT, SETEMPAT, HM -25 PROJEK TAMBAKAN SELATAN PULAU PINANG ANIAYA NELAYAN, NEGERI, HARAKAH -H16 LIMA NELAYAN INDONESIA DITAHAN, DALAM NEGERI, UM -13 JOHOR PLANS TO ALLOCATE LAND TO PLANT DURIANS TO MEET THE EXPORTS NEEDS, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A35	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

FAMA perkasa kaedah pemasaran hasil tani secara digital

KOTA BHARU - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan memperkasakan kaedah pasaran hasil pertanian secara digital dalam usaha melonjakkan pendapatan petani di seluruh negara.

Pengerusinya, Ishak Ismail (*gambar*) berkata, bagi tujuan itu, FAMA telah memperkenalkan portal *agrobarcaz* online dan *pasar-tani.com* yang berfungsi sebagai platform pemasaran maya bagi transaksi jualan dan belian produk pertanian di bawah agensi itu.

"Setakat ini, portal ini mem-

punyai 480 pemasar dengan lebih 20,000 produk. Kita sedang merangka program pembelian secara talian bagi 790 buah pasar tani seluruh negara yang mana pembeli boleh membuat pesanan awal dan kemudiannya mendapatkan barangan sama ada di pasar tani atau di hantar terus kepada pelanggan.

Katanya, kaedah pemasaran baharu itu diyakini akan memberi kelebihan kepada petani memasarkan produk masing-masing dengan lebih efisien

Ishak berkata, FAMA juga sedang merangka program pembelian secara talian bagi 790 buah pasar tani seluruh negara yang mana pembeli boleh membuat pesanan awal dan kemudiannya mendapatkan barangan sama ada di pasar tani atau di hantar terus kepada pelanggan.

Katanya, kaedah pemasaran baharu itu diyakini akan memberi kelebihan kepada petani memasarkan produk masing-masing dengan lebih efisien



sejajar dengan perkembangan teknologi semasa.

"Ini adalah antara langkah transformasi yang dilaksanakan FAMA dalam usaha menyediakan kaedah pasaran yang lebih cekap sekaliigus meningkatkan pendapatan petani," katanya.

Jelas Ishak lagi, FAMA juga akan memperkenalkan program baharunya iaitu tani ekspres bagi menyediakan peluang kepada golongan muda meraih pendapatan melalui aktiviti pemasaran hasil pertanian.

Katanya melalui program itu golongan muda akan men-

dapatkan hasil pertanian daripada kebun-kebun kecil atau ladang yang kemudiannya dijual ke pasar tani, pusat pengumpulan atau dihantar terus kepada pembeli.

Sementara itu, katanya, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kelantan mencatat jualan tertinggi seluruh negara dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini iaitu kira-kira RM144.3 juta.

Katanya rekod jualan itu satu pencapaian besar yang amat membanggakan buat RTC Kelantan yang kini turut menjadi daya tarikan pelancongan. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2019	BERITA HARIAN	MASYARAKAT	16

FAMA perkenal sistem Tani Ekspres

Kota Bharu: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan memperkenalkan sistem pemasaran dikenali sebagai Tani Ekspres untuk memungut hasil pertanian dari tapak atau ladang untuk dihantar kepada pembekal atau pengguna.

Pengerusi FAMA, Ishak Ismail, berkata sistem itu turut menyokong konsep pemasaran digital AgroBazaar Online, yang mula diperkenalkan baru-baru ini.

"FAMA sukar masuk ke ladang atau tapak penanaman yang terpencil atau pedalaman dan kami memerlukan khidmat luar untuk membantu kerja mengumpul hasil petani itu.

"Bagi sistem Tani Ekspres ini, kami memerlukan pembabitan ramai peserta terutama golongan muda yang mempunyai pengangkutan masing-masing untuk mengangkut hasil tanaman ke pasar tani atau rumah pelanggan.

"Sistem ini kini sedang diperkemaskan dengan AgroBazaar Online, supaya saling melengkapi dan inisiatif itu juga dilihat dapat menjana pendapatan sampingan kepada golongan muda," katanya pada sidang media Hari Bertemu Pelanggan sempena Aidilfitri di pe-

jabat FAMA Kelantan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah FAMA Kelantan, Mohd Ariffin Awang.

Tarik minat generasi muda

Ishak berkata, menerusi sistem itu, ia juga dapat menarik minat generasi muda terbabit bidang pertanian.

"Apabila melihat sendiri penguurusan sesuatu tanaman itu berlaku, mungkin akan menarik minat generasi muda menceburkan diri dalam bidang pertanian," katanya.

Sementara itu, Ishak berkata, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kelantan mencatatkan pencapaian sangat membanggakan iaitu melebihi RM144 juta dalam tempoh Januari hingga Mei tahun ini.

"Rekod jualan itu sudah berada di landasan betul seperti disasarkan. RTC Kelantan mendapat tempat di hati rakyat negeri ini dan luar kerana menyediakan segala keperluan untuk pengguna termasuk bahan mentah, basah dan kelengkapan rumah yang lain," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

Agro Mall Puchong siap dalam tempoh dua tahun

KOTA BHARU - Agro Mall Puchong dijangka siap dalam tempoh dua tahun akan datang yang bakal mempamerkan pelbagai produk dari seluruh negara.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail berkata, majlis pecah tanah tapak Agro Mall Puchong itu telah dilaksanakan sebelum bulan Ramadan lalu.

Beliau berkata, lokasi itu terletak berdekatan Lebuhraya Damansara-Puchong yang dibangunkan dengan kos RM8 juta.

"Semua produk dan barangan koleksi dari seluruh negara akan dipamerkan di situ. Ia akan implementasi rancangan termasuk untuk pandu lalu bagi memudahkan pelanggan. Ini adalah sebahagian daripada perancangan transformasi FAMA Alaf Baru," katanya selepas menghadiri majlis sambutan Aidilfitri peringkat FAMA Kelantan semalam.

Hadir sama, Pengarah FAMA Kelantan, Mohd Ariffin Awang.

Dalam masa sama, be-



Ishak (dua dari kanan) bersama Mohd Ariffin (kiri) berbual bersama tetamu pada majlis Aidilfitri peringkat FAMA Kelantan semalam.

liau berkata, FAMA juga akan memperkasa kaedah pemasaran digital mereka termasuk Agro Bazaar dan Pasar Tani Ekspres.

"Prosedur Operasi Standard (SOP) Tani Ekspres akan disiapkan dalam masa terdekat dengan penglibatan anak muda.

"FAMA mahu bawa hasil melalui kaedah baharu iaitu dalam talian dengan rangkaian bekalan dipendekkan bagi membantu meningkatkan pendapatan petani dengan harga munasabah," jelasnya.

Beliau berkata, program Tani Ekspres membolehkan petani membawa barangan itu dari ladang menggunakan kenderaan sendiri ke pasar tani atau pusat pengumpulan dan jika ada tempahan boleh ke rumah pelanggan.

"Bagi melengkapkan kaedah itu kita sedang perhalusi untuk galakan anak muda terlibat sama agar ia menjana pendapatan sampingan dan tarik minat mereka untuk usahakan tanaman pada masa akan datang," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2019	SINAR HARIAN	TENGAH	19

Tingkat hasil padi dengan peruntukan RM250 juta

PEKAN- Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (Iada) Pekan mahu meningkatkan hasil pengeluaran padi menerusi peruntukan sejumlah RM250 juta pada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).

Pengarahnya, Muhd Rizal Baharom berkata, menerusi peruntukan itu pihaknya menyasarkan pengeluaran padi di daerah ini sehingga lima tan metrik sehektar setiap musim menjelang 2020.

“Kita harap pengeluaran padi lebih tinggi berbanding dua hingga empat tan metrik pada masa ini.

“Jadi peruntukan dari RMK11 ini akan digunakan sepenuhnya bagi memajukan skim penanaman padi di daerah Pekan,” katanya ketika ditemui di ladang Skim Pahang Tua semalam.

Menurutnya, kerja menaiktaraf kemudahan termasuk jalan, sistem perparitan, pengairan dan penyediaan tanah serta pembajaan akan diberikan tumpuan.

“Kawasan sawah akan dinaiktaraf dan memberi keutamaan di kawasan Paya Merchong.

Jelasnya, baki peruntukan akan disalurkan untuk sawah di Paya Pahang Tua, Paya Pulau Jawa dan Paya Serandu yang mengusahakan tanaman dua kali setahun.

Headline	Belum ada kebenaran bawa masuk atau tanam guarana		
MediaTitle	Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/)		
Date	17 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Belum ada kebenaran bawa masuk atau tanam guarana

BINCANG: Junz Wong (kanan) bersama Pengarah Urusan Syarikat Ritz Corporate Holding Dato Ibrahim Yahaya (kiri) dan Julia semasa kunjungan di Kota Kinabalu.

KOTA KINABALU: Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI) Datuk Junz Wong berkata, kementa...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Bertani di sekolah pupuk minat pelajar		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	17 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	20,000
Page No	24	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	206 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,088
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,264



Bertani di sekolah pupuk minat pelajar

PONTIAN - Perasaan kagum jelas terpancar di wajah pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Penggawa Barat yang mengikuti program My Green Team.

Mana tidaknya, hasil titik peluh mereka membuah hasil dengan pemandangan hijau pelbagai jenis sayur-sayuran, tanaman herba dan ikan hiasan.

SMK Dato Penggawa Barat dipilih sebagai lokasi pelancaran program tersebut dengan kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang dengan Kementerian Pendidikan yang dirasmikan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub baru-baru ini.

Guru Penyelaras Pendidikan Khas, Md Amin Kasbin berkata, aktiviti pertanian dan penternakan dijadikan sebagai fokus kemahiran bagi pelajar khususnya pendidikan khas.

Menurutnya, program My Green Team disertai pelajar termasuk pendidikan khas dengan peringkat permulaan melibatkan pelajar tingkatan 1 dan 2 sera-



Pelajar sedang melihat tanaman sayur-sayuran yang ditanam di kawasan sekolah.

mai 30 orang.

Katanya, sayur-sayuran seperti terung dan lada ditanam menerusi kaedah fertigasi dan nutri-pot.

"Ada juga tanaman cendawan dan ikan hiasan yang mana kita juga membuat pembenihan ikan.

"Inisiatif ini bukan sahaja memberi kebaikan kepada sekolah, tapi yang utama adalah pelajar itu sendiri kerana dari segi akademik mungkin ada yang tertinggal, jadi dengan kemahiran pertanian yang diperolehi mereka menda-

pat ilmu baharu mungkin akan menjadi petani moden berjaya suatu masa nanti," katanya.

Sementara itu Ketua Kumpulan My Green Team, Ahmad Ilham Mastura Aladin, 14, berkata, peluang bertani di sekolah memberi dia pengetahuan tentang pertanian yang cukup luas dengan pelbagai kaedah boleh digunakan.

Katanya, dia yang tinggal asrama sekolah akan memulakan aktiviti pertanian sekitar jam 5 petang bersama rakan-rakan.

Pendekatan baharu elak pesawah bergantung subsidi



Dari Kaca Mata

Prof Madya Dr Ahmad Zubir Ibrahim

Timbalan Dekan Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Baru-baru ini kerajaan mengemukakan untuk memperkalkan tanaman kontan sebagai usaha meningkatkan hasil pendapatan petani padi atau pesawah. Mereka antara kelompok komuniti luar bandar yang sentiasa mendapat perhatian khusus kerajaan.

Pada dasarnya, kebanyakan mereka boleh dikatakan sudah melepasi garis kemiskinan ditetapkan, namun pendapatan masih dikategorikan rendah dan dalam situasi mudah terancam.

Golongan ini akan mudah jatuh kembali kepada kemiskinan seandainya berlaku insiden luar jangka. Kekurangan pemilikan aset kehidupan mencukupi akan mempercepatkan mereka jatuh semula sebagai miskin.

Tanaman padi bukan sekadar menyumbang bekalan makanan negara, malah menjadi sumber utama mata pencarian 200,000 petani padi. Bagi memastikan bekalan makanan ini terjamin, RM1.8 bilion subsidi terpaksa ditanggung kerajaan saban tahun.

Persoalannya, apakah yang menyebabkan petani padi terus berada dalam situasi mudah terancam, sedangkan pelaburan besar dilakukan dalam industri ini.

Ketika ini, rata-rata petani padi sudah menjangkau usia emas, menyebabkan mereka tidak berupaya bekerja secara lebih cekap dan produktif. Peningkatan kos tanaman padi mengakibatkan golongan ini berterusan bergantung subsidi kerajaan.

Saiz tanah dimiliki yang kecil menyulitkan lagi keadaan. Kesannya, hasil

pengeluaran tidak dapat dioptimumkan sepenuhnya.

Penghijrahan dan pemilihan kerjaya dalam sektor perindustrian sebagai contoh, menyebabkan pemindahan teknologi dalam industri ini sukar dilaksanakan. Sikap tunggu dan lihat serta ragu-ragu menerima perubahan dalam tanaman padi menyebabkan golongan ini masih di takuk lama.

Tahap pendidikan rendah turut memberi kesan kepada kedudukan taraf hidup golongan ini, mengakibatkan mereka tertumpu kepada tanaman padi semata-mata sebagai sumber utama.

Kurang inisiatif kerja sampingan
Inisiatif dan kreativiti untuk melakukan kerja sampingan bukan pertanian, kurang dilakukan menyebabkan golongan ini terus kekal dalam putaran kemiskinan.

Bagi merealisasikan tanaman kontan dalam meningkatkan pendapatan petani padi, pendekatan dan pelaksanaan holistik perlu dikaji. Tahap ketersediaan mereka untuk mengusahakan tanaman juga perlu dipastikan terlebih dahulu agar sasaran meningkatkan hasil pendapatan mereka dapat dicapai sepenuhnya.

Soal penuliharaan dan penentuan jenis tanaman kontan pula boleh dibuat mengikut zon atau kawasan tanaman padi yang bersesuaian. Ia secara tidak langsung memudahkan kerja pemantauan dilakukan kelak.

Pada masa sama, pendekatan baharu perlu dilakukan untuk menarik semula minat golongan belia untuk turut terlibat dalam industri ini.

Mungkin boleh dipertimbangkan geran bantuan atau insentif berbentuk kewangan atau bukan kewangan, termasuk program mentor mentee bersesuaian sebagai langkah permulaan menarik minat generasi muda terlibat dalam industri ini. Ini penting bagi memastikan generasi pelapis kepada industri.

Pembabit generasi muda diperlukan bagi membolehkan pemindahan teknologi lebih berkesan berbanding petani padi sedia ada.

Pengurusan kewangan juga perlu di-

dedahkan kepada golongan petani padi agar lebih peka ke atas perbelanjaan isi rumah. Walaupun dilihat remeh, kegagalan menguruskan pendapatan dengan betul akan memberi tekanan perbelanjaan kepada golongan ini.

Pendapatan petani padi adalah bermusim dan memerlukan perancangan rapi bagi memastikan kehidupan selesa, sementara menunggu musim akan datang. Kegagalan merancang kewangan isi rumah dengan sempurna akan menyebabkan golongan ini bergantung kepada orang tengah untuk menguruskan sawah.

Dalam melaksanakan penanaman tanaman kontan terpilih, pelaksanaan sistem inkubator atau mentor mentee dalam kalangan petani padi terbabit boleh dipertimbang dan diperkemas lagi tataraka pelaksanaannya untuk dilaksanakan.

Pendekatan ini penting, bagi membolehkan petani padi mengetahui selok belok aspek pengurusan ladang termasuk pemasaran dan pengurusan kewangan bersama mentor yang turut bertindak sebagai pemantau pada peringkat ladang.

Pembabit agensi kerajaan secara langsung dengan petani padi perlu dipertingkatkan. Pemantauan dan khidmat nasihat secara berkala perlu diadakan bagi memastikan keberkesanan program ini dilakukan.

Penstrukturan semula subsidi mungkin boleh dipertimbang, yang mana pemberian subsidi dibuat berdasarkan produktiviti petani. Ini bagi mengelak bantuan diberikan disalah guna.

Hakikatnya, industri padi negara masih bergantung kepada intervensi kerajaan. Satu mekanisme baharu mungkin boleh diwujudkan bagi mengurangkan kadar bergantung kepada subsidi kerajaan, untuk melahirkan petani padi yang mempunyai daya saing dan mempunyai jati diri tinggi.

Pelaksanaan perkara ini perlu penelitian rapi agar tidak memberi implikasi besar kepada mana-mana pihak sebagaimana menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus, tepung tidak berselerak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2019	SINAR HARIAN	SENTRAL	21



Dr Nur Aainaa menunjukkan hasil tanaman terung yang dituai dan sedia untuk dipasarkan.

Terung fertigasi dalam kampus

KUANTAN - Projek tanaman terung secara fertigasi di Pilot Fertigation Plant Universiti Malaysia Pahang (UMP) Gambang antara usaha pihak universiti memanfaatkan tanah kosong di kawasan kampus.

Kajian dan perancangan projek itu bermula sejak pertengahan tahun lalu.

Pengurus Besar UMPT Technology Sdn Bhd, Dr Nur Aainaa Syafini Mohd Radzi berkata, anak syarikat milik penuh UMP Holdings berperanan mengurus projek seluas 1.45 hektar dengan penanaman 16,000 pokok terung.

"Daripada jumlah itu, 15,000 pokok untuk tujuan komersial dan selebihnya dikhaskan bagi tujuan percubaan dan penambahbaikan teknologi.

"Kerja-kerja penanamannya bermula Mac hingga April dan hasilnya mula dituai sejak pertengahan Mei lalu," katanya.

Dr Nur Aainaa Syafini berkata, hasilnya kini kira-kira 250 hingga 350

kilogram setiap dua hari dan dijangka meningkat pertengahan Jun ini.

"Terung ini dijual secara terus di ladang kepada pemborong dan pasar raya berhampiran pada harga RM6 se-kilogram," katanya.

Beliau berkata, tanaman fertigasi sudah tidak asing di UMP kerana pernah mengusahakan beberapa projek menggunakan kaedah itu melalui projek Facelift D' Kuala di Kuala Pahang.

"Ini antara sebab kami melaksanakannya secara komersial selain membuka peluang pekerjaan kepada mahasiswa dan penduduk setempat.

"Kita juga berhasrat meluaskan lagi penanaman sayuran secara fertigasi ini agar UMPT mampu menjadi pembekal sayuran segar terbesar di Pahang.

"UMPT turut bekerjasama dengan Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi memajukan hasil tanaman," katanya.



TOSRAN (tiga dari kanan) bersalaman dengan tetamu pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Alid Hari di Dewan Raya Felda Taib Andak, Kulai.

bapa mereka yang juga pembantu mereka. "Selain ternakan lebah, kami jadikan Felda Taib Andak sebagai hab dengan menyediakan pusat pengumpulan semua madu, dibotolkan sebelum dipasarkan kerana madu kelulut sememangnya mendapat sambutan menggalakkan tetapi bekalan tidak mencukupi," katanya ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbukanya di Dewan Raya Felda Taib Andak, di sini, semalam.

Menurutnya, kerajaan negeri bekerjasama dengan Jabatan Pertanian untuk memastikan semua madu yang dikumpulkan dipasarkan dengan baik. Katanya, selepas 25 generasi kedua ini memuai hasil, mereka bercadang semua peneroka mengambil bahagian di kawasan rumah masing-masing bagi menambah pendapatan. "Bayangkan jika ada 600 rumah peneroka di sini (Felda Taib Andak) dan masing-masing mempunyai satu rumah lebah kelulut, ia menambah jumlah madu berkenaan. "Bergantung kepada tahap

kesediaan memproses dan pembotolan namun kami meluaskan program ini ke semua Felda di Johor bagi membantu semua peneroka. "Kerajaan negeri dan pusat komited membantu mereka menambah pendapatan dengan cara ini, kami yakin boleh dilakukan tanpa memerlukan jagaan terperinci berbanding haiwan ternakan," katanya. Menurutya, pada masa sama mereka merencanakan promosi kelebihan madu kelulut namun buat masa ini perlu menambah jumlah bekal.

Projek kelulut tidak memerlukan kawasan yang luas, hanya sebahagian kawasan di belakang rumah dan boleh menghasilkan madu dalam tempoh beberapa bulan" *Tosrin Jarvanthi*

Hab madu kelulut

Felda Taib Andak jadi perintis tambah pendapatan peneroka

Projek Hab Pengeluaran Madu Kelulut yang diusahakan generasi kedua tanah rancangan itu. Apabila berhasil mengumpul dan menyempurnakan proses pembotolan semua madu kelulut, program itu dipertingkatkan ke semua Felda di negeri ini. Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Tosrin Jarvanthi berkata, buat masa ini 25 generasi kedua Felda menjalani kursus, latihan dan mempunyai sijil dari jabatan berkaitan untuk membela lebah kelulut. "Projek ini tidak memerlukan kawasan yang luas, hanya sebahagian kawasan di belakang rumah dan boleh menghasilkan madu dalam tempoh beberapa bulan. "Dengan cara ini, generasi kedua mempunyai cara mendapatkan hasil tambahan dan boleh dilakukan ibu

Ibrahim Isa
ibrahim@hmetro.com.my

Johor Bahru

Kerajaan negeri akan menjadikan Felda Taib Andak, Kulai, dekat sini, sebagai perintis

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2019	HARAKAH	NEGERI	H16

Projek tambakan selatan Pulau Pinang aniaya nelayan

Oleh LEA BAIDURI

BAYAN BARU: PAS Pulau Pinang membantah projek Tambakan Selatan Pulau Pinang (PSR) berdasarkan maklum balas Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA).

Pengerusi Lajnah Alam Sekitar dan Tanah Pemuda PAS Pulau Pinang, Muhammad Zikri Ismail berkata, tempoh pameran awam dan waktu maklum balas diberikan tidak mengambil kira kepentingan banyak pihak.

Katanya, waktu pameran antara 29 April hingga

28 Mei lalu dan tarikh akhir maklum balas 12 Jun ketika suasana Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri.

"Tarikh pameran tersebut dianggap sebagai tipu daya licik pihak yang melancarkan slogan telus.

"Hakikatnya projek itu berorientasikan permainan industri hartanah untuk melambakkan keuntungan. Jadi PAS Pulau Pinang konsisten membuat bantahan," katanya di sini.

Baru-baru ini beliau menghantar maklum balas mengenai projek terbabit di Pejabat Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang.

Hadir sama wakil NGO Teroka, Muhammad Zamri Sheik Abdul Kader dan Ahli Jawatankuasa Lajnah Asas Tani dan Alam Sekitar PAS Pulau Pinang, Sarfaraz Ahmad Khalid Maqsood, Mustaqim Yahya serta wakil Pemuda PAS Tanjung, Bayan Baru dan Jelutong.

Muhammad Zikri juga berkata, projek itu menzalimi nelayan bagi melebarkan ketidakadilan sosial khususnya membabitkan masyarakat Melayu.

Kata beliau nampaknya kerajaan DAP Pulau Pinang lebih mengutamakan pemaju dan golongan atasan,



Muhammad Zikri Ismail menunjukkan dokumen bantahan projek tambakan laut selatan Pulau Pinang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	13



NELAYAN asing yang ditahan menangkap ikan di perairan Malaysia dekat Pulau Jarak, Lumut, Perak, kelmarin. - UTUSAN/NURUL AKMAR AIDA SUHAIMI

Lima nelayan Indonesia ditahan

LUMUT 16 Jun - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Perak menahan lima nelayan Indonesia termasuk seorang tekong kerana menangkap ikan di perairan Malaysia kira-kira 52.2 kilometer barat laut dari Pulau Jarak dekat sini semalam.

Pengarah Maritim negeri, Wan Mat Wan Abdullah berkata, nelayan terlibat yang menaiki bot tradisional berusia antara 25 hingga 30 tahun ditahan pada pukul 1.30 petang.

"Bot nelayan Indonesia

tersebut dikesan oleh kapal Maritim Malaysia yang sedang melakukan rondaan dan penguatkuasaan di kawasan itu.

"Kesemua yang ditahan dibawa ke Pusat Tahanan Vessel dan diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia bagi siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Wan Mat, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan melakukan penangkapan ikan secara haram di dalam Perai-

ran Malaysia.

Ujarnya, ini merupakan kali ketiga bot nelayan tradisional memasuki perairan Malaysia minggu ini.

"Walaupun sering ditegaskan melalui media massa bahawa Maritim Malaysia akan menahan mana-mana vesel penangkapan ikan asing yang menceroboh dan menjalankan aktiviti penangkapan dalam perairan Malaysia namun masih terdapat nelayan Indonesia yang tidak peduli," katanya.

Headline	Johor plans to allocate land to plant durians to meet the exports needs		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	17 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A35	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	199 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,490
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,470



应付出口需求 柔拟拨地种榴槿

古来16日讯 | 柔佛宗教、农业及乡区发展行政议员托斯林指出，本地榴槿受到外国特别是中国的青睐，令本地有越来越多农夫想改为种植榴槿。

据他所了解，目前柔州政府有意在丰盛港县规划一片土地来种植本土榴槿，以应付出口的需求。

托斯林也是土著团结党武吉柏迈州议员，他周日上午首次以州行政议员身份，在戴安达垦殖区举办开斋节开放门户活动上，在接受媒体访问时发

表上述谈话。

他说，丰盛港是目前柔州种植榴槿面积最大的地区，政府目前计划拨出政府空地种植本地榴槿。

种植本地榴槿

他指，有关出口榴槿准证，他暂时还没有从农业部获得确实的数据，柔州政府对带壳榴槿成功出口至中国的政策感到欢迎，这对柔佛州而言也具有很大商业潜能。

不过，托斯林强调，目前州政府初步计划种植的是本地品种榴槿，不是猫山王等名种榴槿。

与此同时，他表示，作为州议员，他计划将达益安达垦殖区打造为企业培训中心，目前已有25个参与者接受即将在7月份展开的企业培训计划，有关培训计划为期两个星期。

「至于土地方面，达益安达垦殖区的地段已经达到饱和，州政府日前发出第二阶段65张地契给武吉拉旺垦殖区（FELDA BUKIT RAWANG）的第二代垦殖民。」